

## Enam pesilat diminta gandakan latihan

B. Minggu (M)  
16 JAN 1989

ENAM pesilat Kelantan yang disenarai dalam skuad Sukan SEA di Kuala Lumpur pada Ogos ini, terpaksa menggandakan latihan persendirian di Stadium Sultan Mohamed Kota Bharu supaya tidak tersingkir daripada skuad utama nanti.

Jurulatih silat Kelantan, Mohd Noor Mahmud, berkata: "Saya mengarahkan mereka supaya meningkatkan mutu persembahan dan ketahanan fizikal jika tidak mahu tercicir.

"Oleh itu, latihan harian terus dijalankan selepas latihan peringkat ketiga dan empat di Kuala Lumpur, Disember lalu."

Setakat ini, Jawatankuasa Pemilihan Persatuan Silat Kebangsaan Malaysia (Pesaka) belum lagi membuat keputusan memilih skuad utama daripada 30 pesilat yang masih menjalani latihan pusat.

Enam pesilat berkenaan ialah Olahragawan Kelantan '87, Azam Haji Abbas (Kelas H), Basri Abdul Rahman (Kelas A), Wan Adnan Wan Isa (Kelas F), Sazali Said (Kelas I), Mohd Zain Yaacob (Kelas Bebas) dan Wan Amizah Wan Ahmad (Kelas B).

Basri dan Wan Adnan adalah pemenang pingat emas di Jemputan Singapura Ogos tahun lalu, manakala Wan Amizah dan Azam adalah johan kebangsaan '88.

Sazali dan Mohd Zain masing-masing naib johan Silat Kebangsaan di Port Dickson, Julai tahun lalu.

SILAT/ Janjikan lima pingat emas

# Pesaka yakin

22 JAN 1989

B. Minggu (M)

Oleh **SHAHARUDDIN RAMIL**

SKUAD silat negara berkeupayaan memenangi sekurang-kurangnya lima pingat emas di Sukan SEA Ogos ini, kata Setiausaha Agung Persekutuan Silat Kebangsaan Malaysia (Pesaka), Abdul Rahman Hassan.

Beliau percaya skuad 15 pesilat itu akan memperolehi lebih banyak pingat, selain lima pingat emas.

"Kita berani membuat jangkauan demikian berdasarkan kesungguhan 30 pesilat ketika menjalani latihan pusat peringkat ketiga dan keempat di Kompleks Sukan Kampung Pandan, sejak 10 Disember lalu," katanya semalam.

Menurut beliau, latihan peringkat kelima mungkin diadakan pada April, diikuti peringkat keenam sebulan sebelum Sukan SEA.

Katanya, mutu disiplin pesilat-pesilat yang menyertai latihan peringkat pertama selama seminggu di Kuala Lumpur dan kedua di Terengganu, terbukti begitu memuaskan.

"Kita harap pesilat negara akan menunjukkan kecemerlangan mereka di Sukan SEA nanti," ujarnya.

Abdul Rahman berkata, keyakinan itu semakin tebal kerana di Sukan SEA Jakarta pada 1987, 13 pesilat Malaysia memenangi dua pingat emas, tiga perak dan lapan gangsa.

"Begitu juga di Kejohanan Sedunia di Kuala Lumpur pada Disember lalu, pesilat negara memungut pingat emas menerusi Mohd Fatie Yaacob dan Wan Aminuddin Baki," kata Abdul Rahman.

Katanya, jika Mohd Fatie, Wan Aminuddin dan seorang lagi, Ahmad Fauzi Osman dipilih ke Sukan SEA, peluang memenangi pingat emas

terbuka luas, sesudah mereka membuktikan keupayaan dalam Sukan SEA di Jakarta dan Kejohanan Sedunia.

Menurutnya, di Kejohanan Jemputan Sedunia, di Singapura pada Ogos lalu, Malaysia memenangi tiga emas, tiga perak dan enam gangsa.

Abdul Rahman berkata, di Sukan Malaysia tahun lalu ramai pesilat muda berbakat boleh di ketengahkan bagi membawa cabaran ke kejohanan antarabangsa.

"Setakat ini, Pesaka berpuas hati melihat kesungguhan, tanggungjawab dan disiplin pesilat negara yang menjalani latihan," katanya.

Beliau berharap mereka lebih bersungguh-sungguh meningkatkan keupayaan mereka, di samping menjaga ketinggian tahap disiplin.

Sementara itu, beliau berkata, sebagai pendahlan awal sebelum ke Sukan SEA, pihaknya akan menghantar 15 pesilat negara menyertai Kejohanan Jemputan Brunei pada bulan depan.